

Qalam

Bilangan 69: Sya'aban 1375 – April 1956 : 60 sen

Hari Raya Kemerdekaan di Pakistan

Pada 23 haribulan Mac tahun 1956 Republik Islam Pakistan telah diisytiharkan. Pengisytiharan ini ertinya negara Pakistan telah mengumumkan kepada dunia bahawa pemerintahannya adalah pemerintahan Islam yang berdasarkan kepada al-Qur'ān dan al-Hadith, pengisytiharan negara Islam yang pertama. Tidak ada negara-negara yang lain mengisytiharkan dasar pemerintahannya dengan Islam selain daripada Pakistan.

Ini bererti bahawa Pakistanlah yang memulakan di dalam kurun yang ke-20 ini sebuah negara Islam. Kita mengucapkan syukur dan mengucapkan tahniah atas kejayaan umat Pakistan menegakkan kalimah Allah Yang Maha Tinggi pada tempatnya. Mudah-mudahan banyak lagi yang akan mengikuti dan berjaya dalam menyampaikan cita-cita Islam itu.

Kita umat Islam patut sama-sama bermohon kepada Allah meminta mudah-mudahan langkahnya itu terlaksana dan hukum-hukumnya berjalan mengikut dasar undang-undang Islam. Mudah-mudahan janganlah kelak undang-undang itu dijadikan galak dan permainan orang kerana Pakistan tidak menjalankannya, sebab semenjak dari dahulu sengaja di da'ayahkan kepada umum bahawa tidak mungkin peraturan Islam boleh dijalankan di dalam pemerintahan. Allah Yang Maha Kaya, insya-Allah, akan menegakkan negara Islam, dengan dasar-dasarnya. Amin.

* * *

Merdeka di Singapura.

Semangat minggu merdeka di Singapura telah dikobar-kobarkan oleh Tuan David Marshall. Perjumpaan untuk menuntut supaya pemerintah Inggeris memberi kemerdekaan itu telah diadakan di Kallang Airport pada 18 haribulan Mac yang lalu. Kesudahan kegembiraan itu menjadikan berlaku rusuhan-rusuhan yang mujurnya rusuhan-rusuhan itu dapat dikawal atau terkawal.

Dengan terjadinya rusuhan-rusuhan itu dapat kita melihat bahawa pemimpin-pemimpin yang mengadakannya itu tidak berupaya untuk mententeramkan keadaan dan zahir bahawa mereka sebenar-benarnya hampir-hampir tidak berpengaruh sedikit jua pun kepada masyarakat yang dikumpulkan oleh mereka di situ yang bilangannya lebih daripada tiga puluh ribu orang.

Melihat kepada keadaan di Singapura, dan kepada sekalian masyarakat Singapura, orang ramai telah berpendapat bahawa belum masanya bagi Singapura untuk merdeka. Kesempurnaan pentadbiran tidak akan memuaskan mereka kalau merdeka sekarang sebab pentadbiran itu belum dapat latihan yang sempurna.

Percubaan-percubaan kepada latihan-latihan itu mesti diadakan setapak demi setapak supaya kesejahteraan umum mesti terkawal.

Mereka berpendapat jangankan perkara pentadbiran yang lebih besar sedangkan baharu pada permulaannya sahaja bahagian-bahagaian itu diserahkan kepada badan-badan atau orang-orang anak negeri ini banyak yang kucar-kacir. Perhatikan sahaja perpindahan di antara Oriental Telephone kepada Telephone Board yang menjalankan pentadbiran telefon sekarang, sungutan orang ramai tidak putus-putusnya disebabkan kerana kepayahan terbit apabila orang hendak menelefon ke mana-mana disebabkan lain nombor yang dikehendaki lain pula yang sampai oleh yang demikian kita tetap berpendirian merdeka sekarang

tidak dikehendaki tetapi sementara menantikan merdeka kita menghendaki supaya latihan-latihan diadakan atau diberi kepada orang-orang kita untuk melayakkan dirinya menuju kepada pertamanya dahulu iaitu berpemerintahan sendiri, dan kemudian kepada merdeka yang penuh. Kita asaskan kehendak kita ini kepada peringatan Nabi yang menyatakan lebih kurang maksudnya: Sesuatu pekerjaan kalau diserahkan kepada yang bukan ahlinya maka jagalah kebinasaannya.

* * *

Kolej Islam dan Masyarakat

Umat Islam adalah berterima kasih dan berasa syukur akan adanya atau terdirinya Kolej Islam dengan usaha daripada jawatankuasa-jawatankuasanya yang dipengerusikan oleh Dato' Syed Ibrahim al-Sagoff. Inilah satu-satunya tempat yang menjadi harapan kelak kepada kebangkitan Islam di Malaya kemudian hari. Di sinilah nanti diharap timbul pemimpin-pemimpin Islam yang berdiri dan berjiwa Islam untuk menegakkan kalimah Allah di negerinya di Persekutuan Tanah Melayu. Di sinilah diharap terbentuk jiwa-jiwa tauhid yang tidak akan gentar kepada sesiapa pun juga dan kepada apa pun juga, tidak kepada sesiapa melainkan kepada Allah Subhānahū wa Ta'ālā. Di sini di harap terbentuk jiwa jihad dan jiwa tawakal yang berkepanjangan dan berkekalan untuk selama-lamanya.

Segala puji bagi Allah yang telah melorongkan umat Islam sedar kepada kelemahannya, sedar kepada kerendahannya, sedar kepada kedudukannya yang ada sekarang selalu dengan bergotong-royong menegakkan Kolej Islam dengan cita-cita yang mulia seperti yang tersebut.

Sungguhpun ia telah terbentuk dan mendapat nilai yang tinggi tetapi adalah menjadi suatu pertanyaan bagi kita adakah nilai yang tinggi itu telah tercapai atau dapat dicapai oleh masyarakat kita? Inilah satu soal

yang dari dahulu jadi tanda tanya kepada kita. Kalau melihat daripada pengalaman-pengalaman yang ada dan melihat kepada kejadian-kejadian yang lalu tat kala hendak mengisi kolej itu didapati banyak kelemahan-kelemahan daripada pemuda-pemuda yang bakal mendudukinya. Seimbias lalu hal yang seperti itu tidaklah berapa ertinya tetapi kalau dihitng panjang maka cita-cita kolej yang besar itu akan menjadi keseorangan kerana bakal pengisi-pengisinya bukannya hanya kurang kemampuan tantang kebendaan tetapi banyak yang kurang kemampuan tentang pengetahuan. Kita berkeyakinan yang demikian ini tidak dapat dinafikan. Hal-hal yang serupa ini patut diselidiki dan disiasat oleh jawatankuasa penaja kuliah itu supaya faedah kolej itu merata kepada masyarakat Islam. Kita mengesyor supaya diadakan suatu suruhanjaya kolej untuk menyiasat keadaan-keadaan masyarakat dan keadaan-keadaan pelajaran-pelajaran di sekolah agama serta pertaliannya dengan kolej nanti. Suruhanjaya memberi *report* dan syor apa yang patut dibuat atau dijalankan sebelum kolej itu lancar jalannya.

Kita berpendapat bahawa molek sungguh sekiranya kolej itu mengorbankan masa selama beberapa tahun, 5 tahun umpamanya, untuk dijadikan tempat mendidik guru-guru dengan asasnya menggunakan bahasa Arab. Bentuk ini sangat dalam ertinya sebab seperti di bawah ini:

(1) Daripada menerbitkan guru-guru yang tahu kehendak dan kemahuan masyarakat maing-masing. (2) Menyatukan cara-cara pelajaran kepada murid-murid di serata Tanah Melayu, dan (3) Mengasaskan dasar-dasar pelajarannya di dalam Bahasa Arab yang bakal mudah menghubungkan mereka dengan kolej itu

Pakar-pakar ini sangat perlu. Kita sudah melihat di dalam Semenanjung ini bahawa kaedah-kaedah pelajaran-pelajaran yang dijalankan tidak sama. Kita melihat juga yang mengajar itu bukannya terdidik untuk mengajar (tidak ada normal kelasnya) dan kita melihat pula kaedah-kaedah mengajar dari satu-satu

-sambungan pada muka 47